

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HJ. JALALUDDIN B. HJ. ALIAS
(JELEBU)**

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat pertambahan ketara berkenaan kes penipuan atas talian (scammer) setakat suku ketiga 2019, dan berapakah anggaran kerugian yang terlibat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 1,631 kes penipuan atas talian (*scammer*) telah dilaporkan daripada Januari hingga 31 Ogos 2019 dengan nilai kerugian sebanyak RM 80,098,903.74. Manakala untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 pula (Januari hingga 31 Ogos 2018), sebanyak 1,652 kes telah dilaporkan dengan nilai kerugian sebanyak RM 98,923,251.76. Berdasarkan kedua-dua statistik berkenaan, didapati terdapat penurunan sebanyak 21 kes dan jumlah kerugian turut menurun sebanyak RM 18,824,348.08 berbanding tahun 2018.